



SIARAN MEDIA

KERJASAMA JABATAN PERIKANAN MALAYSIA DAN YAYASAN AMANAHRAYA **PERKUKUH KESEJAHTERAAN KOMUNITI PERIKANAN**

PEKAN, 1 Oktober 2025 – Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, berkenan berangkat ke Program Bantuan Asnaf Nelayan Darat Negeri Pahang anjuran Yayasan AmanahRaya dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) yang diadakan di Rumah Rakit Maraie, Kampung Padang Rumbia, Pekan, Bandar Diraja Pahang.

Turut berangkat Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj.

Dalam majlis berkenaan, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang berkenan menyempurnakan Simbolik Serahan Cek Cura berjumlah RM305,250.40 kepada tiga wakil nelayan darat mewakili 30 penerima daripada daerah Pekan, Kuantan dan Rompin. Bantuan ini merangkumi bot gentian kaca, enjin sangkut dan peralatan menangkap ikan seperti jaring, bubu ketam dan tong insulasi bagi meningkatkan keupayaan operasi nelayan darat.

Sebagai simbol pemeliharaan sumber perikanan, Baginda turut berkenan melepaskan 150,300 ekor benih ikan terdiri daripada spesies patin buah, terbul, baung sungai, lampam sungai dan udang galah ke perairan Sungai Pahang.

Sektor perikanan darat memainkan peranan signifikan dalam menyokong ekonomi tempatan dan sekuriti makanan negara, khususnya kepada komuniti pedalaman yang bergantung kepada sumber ikan air tawar. Di Negeri Pahang sahaja, 2,703 nelayan darat telah berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia, termasuk 733 orang di daerah Pekan. Daripada jumlah tersebut, 423 nelayan darat tulen menerima Elaun Sara Hidup Nelayan Darat (ESHND) sebanyak RM250 sebulan, melibatkan peruntukan kerajaan sebanyak RM1.27 juta setahun.

Bagi tahun 2024, pendaratan perikanan darat di Pahang direkodkan sebanyak 2,218.20 tan metrik bernilai RM64.25 juta, meningkat 15.5% dari segi kuantiti dan 20.1% dari segi nilai berbanding tahun 2023. Pahang kini mencatat pendaratan kedua tertinggi di Malaysia, namun berada di tempat pertama dari segi nilai kerana spesies yang didaratkan mempunyai harga pasaran yang tinggi, sekali gus meningkatkan pendapatan nelayan darat.

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata bahawa kerjasama strategik seperti ini mampu memperkukuh kesejahteraan komuniti nelayan darat melalui gabungan bantuan kebajikan dan pemuliharaan sumber semula jadi.

“Program hari ini memberi dua manfaat serentak iaitu bantuan asnaf nelayan darat dalam bentuk bot, enjin dan peralatan menangkap ikan bagi meningkatkan pendapatan, serta pelepasan benih ikan ke Sungai Pahang untuk memperkayakan stok sumber perikanan darat. Inisiatif menyeluruh seperti ini diyakini mampu menjamin pendapatan nelayan secara mampan dan memelihara ekosistem perikanan untuk generasi akan datang.

“Peningkatan hasil ini jelas menunjukkan keperluan untuk mengekalkan sumber perikanan yang mampan agar manfaat ekonomi dapat terus dinikmati dalam jangka panjang. Justeru, usaha pemuliharaan sumber ikan melalui program pelepasan benih menjadi agenda penting Jabatan Perikanan Malaysia,” ujarnya.

Sejak tahun 2010, Jabatan Perikanan Malaysia secara konsisten melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum di seluruh Negeri Pahang. Sehingga kini, 20.65 juta ekor benih ikan telah dilepaskan, termasuk 2.3 juta ekor bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025. Antara spesies utama ialah kelah, kerai, temelian, patin buah, tengalan, sebarau, baung sungai, lampam sungai, terbul dan udang galah.

Bantuan yang disalurkan menerusi inisiatif bersama ini diyakini dapat meningkatkan taraf hidup nelayan darat dan memacu pembangunan ekonomi setempat, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk memastikan kemakmuran dapat dinikmati secara inklusif dan mampan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**Pejabat Perikanan Negeri Pahang
1 Oktober 2025**